

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI  
BIN TUANKU JAAFAR [SANTUBONG]**

**TARIKH : 18 MAC 2019**

**SOALAN : 76**

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semenjak Kerajaan baru mengambil alih, berapa buah jabatan dan agensi Kerajaan telah dibubarkan dan berapa jumlah pegawai, pekerja dan anggota telah ditamatkan perkhidmatan. Berapakah wang Kerajaan boleh diselamatkan. Adakah Jabatan atau agensi baru ditubuh dan berapa jumlah anggota dan berapa kos pengendaliannya.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejajar dengan dasar pengoptimuman sumber manusia bagi mengawal perbelanjaan Kerajaan, sebanyak empat (4) agensi telah dibubarkan iaitu Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Jabatan Latihan Khidmat Negara dan Biro Tatanegara (BTN). Pembubaran empat (4) agensi tersebut melibatkan penjimatan kepada Kerajaan sebanyak RM 100 juta setahun meliputi antara lain pembayaran

emolumen dan kos operasi. Walau bagaimanapun, pegawai dan anggota di agensi yang dibubarkan tersebut tidak ditamatkan perkhidmatan, sebaliknya ditempatkan ke agensi lain yang bersesuaian melainkan bagi pegawai yang meletak jawatan secara sukarela dan tidak bersetuju dengan penempatan baharu.

Berkenaan dengan jumlah pegawai Kerajaan yang ditamatkan perkhidmatan, tiada pegawai Kerajaan lantikan tetap yang diberhentikan. Walau bagaimanapun, sejak Jun 2018, hanya 1,691 (11.3%) pegawai daripada sejumlah pegawai lantikan kontrak seramai 14,869 orang telah ditamatkan kontrak kerana projek atau tugas yang dilaksanakan oleh pegawai berkenaan telah tamat dan tidak lagi diteruskan oleh agensi berkenaan, manakala 13,178 (88.7%) akan terus kekal berkhidmat.

Bagi memastikan kelangsungan peranan Kementerian Pengangkutan dalam merancang pembangunan sektor pengangkutan awam darat negara dimantapkan, satu (1) agensi baharu telah ditubuhkan iaitu Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dengan 361 perjawatan, lebih rendah dengan SPAD yang mempunyai 802 perjawatan. Kos pengendalian APAD yang meliputi emolumen dan pengurusan untuk tahun 2019 adalah berjumlah sebanyak RM 44 juta.

Kajian Rasionalisasi Program Pemetaan Kementerian yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan mengkaji secara terperinci bagi memastikan tidak berlaku pertindanan fungsi antara agensi dan Kementerian yang mengakibatkan pembaziran sumber kewangan Kerajaan. Kajian ini akan dapat menentukan agensi-agensi yang akan dibubarkan, dipindahkan atau dikekalkan.